

UMSKAL jamin keselamatan pelajar

BH 3.9.2014 12

Labuan: Universiti Malaysia Sabah Campus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) memberi jaminan keselamatan dan kebijakan pelajar baharu akan diberi perhatian sewajarnya.

Pengaruhnya, Prof Madya Dr Murnizam Halik, berkata pihaknya sudah mengarahkan pegawai dan kakitangan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) sentiasa memantau keselamatan serta kebijakan pelajar baharu.

Katanya, kemudahan asrama di kolej kediaman dalam dan luar kampus akan dipastikan berada dalam keadaan memuaskan demi keselesaan pelajar.

“Kita akan memastikan prasarana selamat digunakan,” katanya pada majlis taklimat kepada ibu bapa di Dewan Kuliah Pusat UMSKAL yang turut dihadiri 865 pelajar baharu sesi 2014/2015.

Sehubungan itu, Dr Murnizam meminta ibu bapa memberi kepercayaan kepada pengurusan UMSKAL yang sentiasa berusaha memastikan kesejahteraan semua pelajar di kampus berkenaan.

Ibu bapa juga diminta menasihati anak mereka supaya mengekalkan prestasi cemerlang sepanjang tempoh pengajian di UMSKAL.

“Pelajar akan mengikuti pelbagai aktiviti dan program akademik, kokurikulum dan kemasyarakatan kendalian BHEP untuk memantapkan sahsiah diri sepanjang berada di Labuan,” katanya.